

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**SOALAN NO. 402**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah peruntukan lampu jalan luar bandar untuk kawasan Parlimen Setiu bagi tahun 2019.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak diperkenalkan pada tahun 2002, Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah memasang sebanyak 3,021 unit LJK di Parlimen Setiu, dengan 56 unit daripadanya adalah lampu jenis *light emitting diode* (LED), melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1,670,260.00.
2. Bagi tahun 2019 pula, Parlimen Setiu akan menerima anggaran kuota sebanyak 200 unit LJK bagi Program Pemasangan LJK yang baru, melibatkan 160 unit lampu jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 40 unit lampu jenis LED, dengan anggaran peruntukan keseluruhan sebanyak RM245,440.00.